

Penularan COVID-19 (25 Mei 2021) Berita Harian - P. J.

61 lagi kes kematian direkod

Jumlah korban harian tertinggi, 6,509 jangkitan baharu, 711 pesakit di ICU

Oleh Ilah Hafiz Aziz

illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia merekodkan 61 kematian akibat COVID-19 termasuk seorang mangsa berusia 27 tahun semalam, dengan catatan 6,509 kes baharu di seluruh negara.

Ini adalah angka kematian tertinggi berkaitan pandemik itu, setakat ini.

Selangor terus dengan jumlah kes harian tertinggi menerusi 2,049 kes, diikuti Sarawak (530

dan Johor serta Kuala Lumpur yang masing-masing melaporkan 468 kes.

Turut mencatat kes tinggi ialah Kelantan (451), Pulau Pinang (384), Kedah (348), Melaka dan Negeri Sembilan masing-masing 329 kes, Terengganu (263), Pahang (257), Perak (231), Sabah (184 kes) dan Labuan (171).

Putrajaya dan Perlis yang pernah berada dalam Zon Hijau, masing-masing mencatat 40 dan tujuh kes.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua mangsa yang meninggal dunia adalah rakyat tempatan, menjadikan keseluruhan kes kematian kepada 2,309 kes.

“Seramai 711 pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU), manakala 369 memerlukan intubasi.

“Sejumlah 3,452 orang pesakit dilaporkan sembuh hari ini (semalam),” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, pesakit lelaki berusia 27 tahun dari Melaka yang meninggal dunia semalam dikesan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis.

Katanya, seorang lelaki berusia 34 tahun yang meninggal di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban, Negeri Sembilan pula di-

kesan tidak mempunyai latar belakang penyakit.

Selangor mencatat jumlah kematian tertinggi dengan 16 kes diikuti Johor (11), Melaka, Pulau

Pinang (enam), Kuala Lumpur (lima) dan Kedah (empat).

“Tiga kematian masing-masing di Sarawak, Negeri Sembilan dan Pahang, manakala dua kes di Terengganu serta satu kes di Perak dan Labuan,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 20 kluster baharu COVID-19 dikesan di seluruh negara, membabitkan lapan kluster tempat kerja, enam kluster komuniti dan tiga kluster keagamaan.

Katanya, turut dikesan ialah masing-masing satu kluster institusi pendidikan, kumpulan berisiko tinggi dan import.

Beliau berkata, kluster tempat kerja membabitkan Kluster Jalan Tengkorak yang merekodkan lapan kes positif, Jalan Bestari Satu (53), Jalan Dato Selathevan Empat (86), Wakaf Tembesu (21), Kluster Jalan Todak (13), Jalan Perindustrian Bukit Minyak (22), Jalan Usaha Tujuh

(38) dan Industri Pengkalan Balak (146).

“Kluster komuniti membabitkan 18 kes positif dalam Kluster Jalan Akik, Kluster Deluxe (12), Kampung Padawan (10), Kampung Pangkal Payung (sembilan), Taman Teratai (35) dan Patau-Patau (12).

“Kluster keagamaan membabitkan Kluster Jalan Ehsan Jaya dengan 14 kes, Landai Permai (23) dan Taman Setia Jaya (47), manakala kluster institusi pendidikan adalah Kluster Enam Jalan Lipis yang merekodkan 19 kes positif,” katanya.

Kluster kumpulan berisiko tinggi membabitkan Kluster Jalan Jed dengan 14 kes, manakala kluster import adalah Kluster Dermaga Sembilan dengan 19 kes.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah kluster yang masih aktif adalah 570, manakala kluster tamat pula sebanyak 1,475.



Dr Noor Hisham